

TARIKH	19 / 11 / 2016	SEKSYEN	NASIONAL
MUKA SURAT	8	RUANGAN	

442 jemaah haji tiba di tanah air

SEPANG - Kumpulan pertama 442 jemaah haji Malaysia selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) semalam, dengan pesawat SV5644 Saudi Airlines.

Ketibaan mereka kira-kira jam 11.21 pagi dari Lapangan Terbang Antarabangsa Raja Abdul Aziz, Jeddah, itu disambut Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji (TH), Datuk Badlisyah Abdul Ghani, pengurusan tertinggi TH, ahli keluarga dan saudara-mara yang menunggu sejak jam 10 pagi.

Badlisyah berkata, sebanyak 47 penerbangan akan membawa pulang semua 22,320 jemaah haji bermula semalam, dengan penerbangan terakhir dijadualkan tiba pada 15 Oktober.

Menurutnya, sembilan jemaah tidak berjaya melaksanakan ibadat wukuf, satu



Jemaah haji, Zainal Abidin Hamiron (dua, kanan) dan Zaiton Mustakim (kanan) mendukung cucu mereka, Muhammad Zahran Aqeef Zarif Hakim serta Ahmad Idris Hanaqi. Mereka adalah kumpulan jemaah haji pertama di KLIA, semalam.

daripada rukun yang mesti dilaksanakan setiap jemaah bagi menentukan ibadat haji yang sempurna kerana mengalami

masalah kesihatan serius. "Seramai 12 jemaah meninggal dunia, 11 kematian di Tanah Suci dan seorang ketika

di tanah air," katanya.

Badlisyah berkata, semua jemaah haji dibekalkan dengan borang penilaian bagi

mendapatkan maklum balas perkhidmatan disediakan TH, antaranya turut melibatkan soal keselamatan untuk membolehkan penambahbaikan dilakukan jika ada rungutan.

Sementara itu, Dr Muhammad Syaifiq Muhammad Isa, 27, dan isteri, Dr Hanisah Jeffrey, 26, jemaah yang merupakan pasangan termuda dalam kumpulan tersebut berkata, peluang mengerjakan Rukun Islam kelima di usia muda adalah pengalaman terindah yang tidak mungkin dilupakan.

Menurutnya, umat Islam yang telah berdaftar dengan TH perlu mempersiapkan diri dari segi ilmu dan kewangan kerana panggilan menunaikan haji mungkin dibuat di saat akhir.

"Saya sendiri tidak jangka dapat pergi haji tahun ini, tetapi selepas isteri disenaraikan sebagai mereka yang layak, saya

turut ditawarkan tempat atas kapasiti mahram atau pengiring kepada isteri.

"Ini kerana syarat Arab Saudi yang menetapkan wanita berumur 45 tahun ke bawah perlu ditemani oleh seorang mahram," katanya yang bertugas di Hospital Kuantan, Pahang.

Bagi Dr Hanisah pula yang bertugas di tempat sama dengan suaminya berkata, keputusan ibu bapanya mendaftarkannya sebagai pendeposit di Tabung Haji ketika masih di sekolah rendah membawa tuah sehingga dapat menunaikan haji ketika usia muda.

"Sebab itu, saya amat bersyukur dengan keputusan ibu bapa mendaftarkan saya ketika masih di sekolah rendah dan usaha itu bertambah manis apabila dapat menunaikan haji bersama suami," katanya.

- Bernama